



## **UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN AM KEJOHANAN SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI AWAM MALAYSIA KALI KE-34**

### **1. NAMA**

1.1. Kejohanan ini dinamakan **Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Awam Malaysia Kali Ke-34**.

### **2. PENGELOLA**

2.1. Kejohanan ini akan dikelolakan oleh satu Jawatankuasa Pengelola yang akan ditubuhkan oleh Universiti yang menjadi tuan rumah mengikut giliran pengelolaan yang ditetapkan

### **3. UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

3.1. Pertandingan ini dijalankan mengikut undang-undang permainan Antarabangsa dan Kebangsaan yang sedang dikuatkuasakan dan akan digunapakai melainkan sekiranya ada peraturan khas lain yang menguasai Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia.

### **4. KELAYAKAN STAF**

4.1. Semua staf tetap Universiti yang sedang berkhidmat sepenuh masa dan menerima gaji bulanan dari Universiti

4.1.1. Semua staf Kontrak/Sementara/Sambilan yang sedang berkhidmat sepenuh masa menerima gaji bulanan dari universiti berkenaan hendaklah telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 bulan pada atau sebelum tarikh kejohanan. **Staf Kontrak/Sementara/Sambilan dikehendaki menyertakan salinan 3 bulan slip pembayaran gaji bersama-sama borang pendaftaran individu.**

4.1.2. Staf Pembantu Penyelidik, Staf Pegawai Penyelidik dan Staf Pinjaman adalah tidak layak menyertai Kejohanan Sukan Staf ini. **Staf yang dinyatakan seperti berikut juga tidak layak menyertai Kejohanan Sukan Staf ini :**

4.1.2.1. **Pensyarah sambilan tidak dibenarkan bermain.**

4.1.2.2. **Pensyarah pinjaman hendaklah mewakili pasukan asal.**



**4.1.3** Seseorang pemain yang pernah diambil tindakan tatatertib dan digantung penglibatan sebagai pemain oleh mana-mana badan di bawah maka staf tersebut tidak dibenarkan menyertai sebarang pertandingan dalam tempoh penggantungannya. Badan-badan terlibat seperti berikut :

**4.1.3.1** Sukan Staf Antara Universiti Malaysia

**4.1.3.2** MAKSAK Negeri/Kebangsaan

**4.1.3.3** Persatuan/Kelab Sukan Negeri

**4.1.3.4** Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan

## **5. PENDAFTARAN**

### **5.1. Pendaftaran Pasukan**

5.1.1. Semua pasukan hendaklah mendaftarkan pasukan masing-masing dalam Borang Pendaftaran Pasukan yang telah disediakan oleh penganjur kejohanan dan hendaklah dihantar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh tuan rumah.

### **5.2 Pendaftaran Individu**

5.2.1 Semua pemain-pemain dikehendaki mendaftarkan dengan menggunakan Borang Pendaftaran Individu yang telah disediakan oleh pihak penganjur dan dihantar bersama-sama dengan Borang Pendaftaran Pasukan serta dilampirkan satu salinan kad pekerja yang disahkan dan dua keping gambar berukuran passport.

5.2.2 Bagi staf Kontrak/Sementara/Sambilan dikehendaki menyertakan bersama-sama salinan slip pembayaran gaji untuk tempoh tiga bulan berturut-turut yang telah disahkan oleh Bendahari/Pegawai Kewangan Universiti berkenaan.



### 5.3 Bilangan Peserta/Pegawai

5.3.1 Bilangan pegawai dan peserta mengikut jenis-jenis sukan adalah seperti berikut :

**Ketua Kontinjen : 1**  
**Timbalan Ketua Kontinjen : 1**

| BIL                 | PERMAINAN                 | PESERTA LELAKI           | PESERTA WANITA | PEGAWAI   | JUMLAH     |
|---------------------|---------------------------|--------------------------|----------------|-----------|------------|
| 1.                  | Bolasepak Senior          | 20                       | -              | 2         | 22         |
| 2.                  | Bola Jaring               | -                        | 12             | 2         | 14         |
| 3.                  | Sepak Takraw              | 12                       | -              | 2         | 14         |
| 4.                  | Tenis Campuran            | 10                       | 4              | 2         | 16         |
| 5.                  | Badminton Campuran        | 10                       | 4              | 2         | 16         |
| 6.                  | Futsal Lelaki Vateria     | 10                       | -              | 2         | 12         |
| 7.                  | Futsal Lelaki             | 10                       | -              | 2         | 12         |
| 8.                  | Futsal Wanita             | -                        | 10             | 2         | 12         |
| 9.                  | Tenpin Bowling Lelaki     | 5                        | -              | 2         | 7          |
| 10.                 | Tenpin Bowling Wanita     | -                        | 5              | 2         | 7          |
| 11.                 | Tarik Tali Lelaki         | 12                       | -              | 2         | 14         |
| 12.                 | Bola Tampar Lelaki        | 12                       | -              | 2         | 14         |
| 13.                 | Bola Tampar Wanita        | -                        | 12             | 2         | 14         |
| 14.                 | Olahraga                  | 36                       | 32             | 2         | 70         |
| 15.                 | Bola Tampar Pantai Lelaki | 5                        | -              | 2         | 7          |
| 16.                 | Hoki Lelaki               | 20                       | -              | 2         | 22         |
| 17.                 | Ping Pong Lelaki          | 12                       | -              | 2         | 14         |
| 18.                 | Golf                      | 5                        | -              | -         | 5          |
| <b>JUMLAH</b>       |                           | <b>179</b>               | <b>79</b>      | <b>34</b> | <b>292</b> |
| <b>JUMLAH BESAR</b> |                           | <b>280 ATLET/PEGAWAI</b> |                |           |            |


### 5.4 Pengesahan Peserta/Akreditasi

- 5.4.1 Pihak Penganjur akan menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil Akreditasi yang dipengerusikan oleh Pengerusi Pengelola Kejohanan.
- 5.4.2 Jawatankuasa Kecil Akreditasi ini akan memeriksa dan mengesahkan kelayakan peserta-peserta. Setiap peserta yang layak akan diberikan Tag Nama/Kad Akreditasi yang ditandatangani oleh Jawatankuasa tersebut.
- 5.4.3 Setiap Pengurus Pasukan dikehendaki mendaftar dan mengesahkan setiap pemain yang akan menyertai kejohanan ini pada hari akreditasi yang akan ditetapkan oleh pihak penganjur.
- 5.4.4 Setiap pemain dikehendaki membawa kad pekerja yang asli pada sesi akreditasi ini.



- 5.4.5 Bagi staf Kontrak/Sementara/Sambilan sila bawa bersama-sama 3 bulan slip gaji asal untuk tujuan penyemakan.
- 5.4.6 Setiap peserta yang telah disahkan kelayakannya akan diberikan satu Tag Nama/Kad Akreditasi dan hendaklah digunakan dan dipakai sepanjang kejohanan ini untuk sebarang urusan.
- 5.4.7 Pemain-pemain yang tidak mempunyai Tag Nama/Kad Akreditasi adalah tidak layak untuk menyertai kejohanan ini.

#### 5.4.8 Carta Aliran Hari Akreditasi



#### 5.5 Borang-Borang Pertandingan

- 5.5.1 Semua kontinjen perlu mengesahkan penyertaan masing-masing dengan menggunakan Borang Pengesahan Penyertaan dan perlu dihantar kepada Jawatankuasa Pengelola pada tarikh yang akan ditetapkan.
- 5.5.2 Semua kontinjen dimestikan mendaftar semua pemain pasukannya dalam Borang Pendaftaran Pasukan yang disediakan. Borang yang lengkap perlu diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola pada tarikh yang telah ditetapkan.
- 5.5.3 Tarikh tutup pendaftaran peserta akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 5.5.4 Borang pendaftaran Perlawanan perlu diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola pada tarikh tutup pendaftaran



- 5.5.5 Pengguguran, penambahan atau penggantian peserta boleh dibuat pada atau sebelum tarikh tutup pendaftaran.
- 5.5.6 Pendaftaran pemain selepas tarikh tutup pendaftaran adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kebenaran dari pihak Jawatankuasa Pengelola kejohanan.
- 5.5.7 Hanya pemain yang berdaftar dalam Borang Pendaftaran Pasukan sahaja yang layak mengambil bahagian.
- 5.5.8 Semua borang yang dihantar mestilah lengkap serta mendapatkan pengesahan Universiti (Pendaftar) masing-masing dan salinannya hendaklah dibawa semasa Taklimat Pengurus-Pengurus Pasukan beserta **SALINAN KAD PEKERJA**.
- 5.5.9 Senarai Pemain
  - 5.5.9.1 Satu senarai pemain dan pemain simpanan (Borang Pendaftaran perlawanan) yang akan mengambil bahagian dalam satu-satu pertandingan hendaklah diserahkan kepada pengadil/referee kehormat yang bertugas sekurang-kurangnya 15 minit sebelum perlawanan bermula.

## 6. HUKUMAN

- 6.1. Pasukan yang menarik diri setelah undian dijalankan sedangkan ia telah mengesahkan untuk menyertai akan dikenakan hukuman iaitu tidak dibenarkan mengambil bahagian bagi acara tersebut pada tahun berikutnya.
- 6.2. Pasukan yang didapati menggunakan khidmat pemain yang tidak layak dari segi kelayakan akan digantung selama setahun pada tahun berikutnya bagi acara yang terlibat.
- 6.3. Kontinjen yang menarik diri setelah rayuan ditolak atau atas apa sebab sekalipun akan digantung selama setahun bagi keseluruhan kontinjen tersebut.
- 6.4. Mana-mana pemain yang didapati menyerang pengadil atau pemain yang diperintah keluar padang kerana bergaduh akan digantung bermain sepanjang tempoh kejohanan ini.



## **7. PENGADIL/REFEREE**

7.1. Pengadil/Referee akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bagi setiap permainan yang dipertandingkan.

7.2. Bagi semua jenis permainan, peraturan seperti di para 7.2.1 akan dikuatkuasakan kecuali bagi sepak takraw dan badminton peraturan seperti di para 7.2.2 akan dikuatkuasakan.

7.2.1. Pusingan Awal/Suku Akhir/Separuh Akhir/Akhir

7.2.1.1. Penjaga Garisan/Pengadil akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola

7.2.2 Separuh Akhir/Akhir

7.2.2.1 Penjaga Garisan/Pengadil akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

7.2.2.2 Bagi Pusingan Awal/Suku Akhir, hanya Pengadil sahaja akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola. Penjaga Garisan disediakan oleh pasukan masing-masing.

## **8. PAKAIAN PEMAIN**

8.1. Tiap-tiap pasukan hendaklah memakai pakaian yang mematuhi Peraturan Pakaian jenis permainan berkenaan.

8.2. Nombor-nombor pada jersi hendaklah sama dengan nombor-nombor yang didaftarkan di dalam borang pendaftaran serta mematuhi spesifikasi-spesifikasi dalam Peraturan Pakaian jenis permainan berkenaan.

8.2.1. Pakaian yang besesuaian serta jersi baju bernombor bagi permainan berikut :

8.2.1.1. Bolasepak

8.2.1.2. Bola Tampar

8.2.1.3. Sepak Takraw

8.2.1.4. Hoki

8.2.1.5. Futsal

8.2.2 Pakaian yang bersesuaian bagi permainan berikut :

8.2.2.1 Tenis

8.2.2.2 Badminton

8.2.2.3 Tenpin Bowling

8.2.2.4 Golf

8.2.2.5 Tarik Tali

8.2.2.6 Ping Pong



### 8.2.3 Pakaian yang bersesuaian bagi permainan berikut :

#### 8.2.3.1 Bola Jaring - Pakaian yang bersesuaian

- Huruf-huruf berikut mestilah terdapat pada hadapan dan belakang baju atau 'bib' pemain.
- GS (Penjaring Gol)
- GA (Penyerang Gol)
- WA (Penyerang Sayap)
- C (Pemain Tengah)
- WD (Penangkis Sayap)
- GD (Penahan Gol)
- GK (Penjaga Gol)

#### 8.2.3.2 Olahraga - Pakaian yang bersesuaian

- Huruf diikuti nombor di bahagian depan dan belakang..

8.3 Jika kedua-dua pasukan memakai jersi yang Sama warnanya, pasukan yang namanya mula-mula tercatat di dalam jadual pertandingan hendaklah menukar jersi yang berlainan warna.

## 9. SISTEM PERTANDINGAN

9.1. Setiap jenis sukan akan hanya dipertandingkan apabila disertai oleh sekurang-kurangnya **5** pasukan kontinjen yang mendaftar tidak lewat **30 April 2009**.

### 9.2. *Seeded*

9.2.1. Semua pasukan yang memasuki pusingan Separuh Akhir di Kejohanan Sukan Staf Antara Univesiti **tahun lalu** akan diletakkan sebagai pasukan '*seeded*'. Sekiranya pasukan ini tidak mengambil bahagian , maka pasukan terbaik berikutnya hendaklah dipertimbangkan kedudukannya.

9.2.2. Setelah diundi dan berlaku penarikan diri, maka pasukan *seeded* tidak beralih kumpulan melainkan pasukan terhampir dengan kumpulan menarik diri dimasukkan kumpulan berlaku penarikan diri dan kumpulan diseimbangkan mengikut format penentuan kumpulan (Peraturan 9.3.6).

9.3 Pasukan yang kalah diperingkat separuh akhir akan menerima pingat gangsa.

9.4 Sistem pertandingan akan dijalankan secara liga atau kalah mati tertakluk kepada penyertaan seperti berikut :



#### 9.4.1 CARA SATU KUMPULAN

9.3.1.1 Sekiranya hanya 8 pasukan mengambil bahagian, pertandingan secara LIGA 2 pusingan akan dijalankan. Johan dan Naib Johan ditentukan di dalam pertandingan mengikut perkara 9.3.2.

#### 9.4.2 CARA DUA KUMPULAN

##### 9.4.2.1 Pusingan Awal

9.4.2.1.1 Sekiranya enam (6) hingga lapan (8) pasukan mengambil bahagian, pasukan akan dibahagikan kepada dua (2) Kumpulan A dan B.

9.4.2.1.2 *Johan tahun lepas akan berada dalam kumpulan A1 dan Naib Johan akan berada dalam kumpulan B1*

9.4.2.1.3 *Pasukan yang mendapat tempat ketiga dan keempat tahun lalu akan diundi ditempatkan dalam kumpulan A atau B dengan syarat pasukan yang mendapat tempat keempat tidak akan bersama dengan tempat ketiga tahun lalu.*

9.4.2.1.4 *Pasukan lain yang tidak terlibat dalam perkara di atas akan ditempatkan berasingan secara undian. Penetapan kumpulan akan dibuat melalui undian.*

9.4.2.1.5 Sekiranya berlaku penarikan diri dalam kumpulan A sehingga tinggal 2 pasukan, maka B2 secara automatik dipindahkan ke dalam kumpulan A.

##### 9.4.2.2 Pusingan Separuh Akhir

9.4.2.2.1 Johan A akan bertemu Naib Johan B, dan Johan B akan bertemu dengan Naib Johan A.

9.4.2.2.2 Pertandingan dijalankan secara **Kalah Mati**.


##### 9.4.2.3 Pusingan Akhir

9.4.2.3.1 Pemenang di peringkat Separuh Akhir akan bertemu untuk menentukan Johan dan Naib Johan.



### 9.4.3 CARTA TIGA KUMPULAN

- 9.4.3.1 Sekiranya sembilan (9) hingga sebelas (11) pasukan mengambil bahagian, pasukan akan dibahagikan kepada tiga (3) kumpulan (A,B dan C)
- 9.4.3.2 Setiap kumpulan mengandungi sekurang-kurangnya 3 pasukan.
- 9.4.3.3 Johan tahun lalu akan berada dalam kumpulan A1 dan Naib Johan berada dalam kumpulan B1.
- 9.4.3.4 Pasukan yang mendapat tempat ketiga tahun lalu akan ditempatkan di kumpulan C. Manakala untuk pasukan lain, tempat akan ditentukan melalui undian.
- 9.4.3.5 Jika berlaku penarikan diri dalam kumpulan A sehingga tinggal 2 pasukan, maka pasukan B2 secara automatik masuk ke kumpulan A. Jika berlaku penarikan diri di dalam kumpulan B sehingga 2 pasukan, maka pasukan C1 secara automatik masuk ke kumpulan B.
- 9.4.3.6 Johan dan Naib Johan setiap kumpulan layak untuk memasuki pusingan Suku Akhir.
- 9.4.3.7 Johan A dan Johan B terus layak ke peringkat Separuh Akhir.



- 9.4.3.8 Semua pertandingan peringkat Suku Akhir, Separuh Akhir dijalankan secara Kalah Mati.



#### 9.4.4 CARA EMPAT KUMPULAN

9.4.4.1 Pasukan akan dibahagikan kepada empat (4) kumpulan (A,B,C dan D)

9.4.4.2 Setiap kumpulan mengandungi sekurang-kurangnya 3 pasukan.


9.4.4.3 *Johan tahun lalu akan ditempatkan dalam kumpulan A manakala Naib Johan tahun lalu akan ditempatkan dalam kumpulan B*

9.4.4.4 *Tempat ketiga pula akan ditempatkan dalam kumpulan C dan tempat keempat tahun lalu akan ditempatkan dalam kumpulan D.*

9.4.4.5 Jika berlaku penarikan diri di dalam kumpulan A sehingga tinggal 2 pasukan, maka pasukan B2 secara automatik masuk ke kumpulan A. Jika berlaku penarikan diri di dalam kumpulan B sehingga tinggal 2 pasukan, maka pasukan C1 secara automatik masuk ke kumpulan B. Jika berlaku penarikan diri di dalam kumpulan C sehingga tinggal 2 pasukan, maka pasukan D1 secara automatik masuk ke kumpulan C.

9.4.4.6 Johan tahun lalu akan berada dalam kumpulan A1 dan Naib Johan berada dalam kumpulan B1.

9.4.4.7 Lapan (8) pasukan akan dipilih untuk bertanding dalam Pusingan Suku Akhir seperti berikut :





9.4.4.8 Semua pertandingan peringkat Suku Akhir, Separuh Akhir dijalankan secara Kalah Mati.

**9.4.5 CARA LIMA KUMPULAN**

9.4.5.1 Pasukan akan dibahagikan kepada lima (5) kumpulan (A,B,C,D dan E)

9.4.5.2 Setiap kumpulan mengandungi sekurang-kurangnya 3 pasukan.

9.4.5.3 *Johan tahun lalu akan berada dalam kumpulan A1 dan Naib Johan berada dalam kumpulan B1.*

9.4.5.4 *Tempat ketiga pula akan ditempatkan dalam kumpulan C dan tempat keempat tahun lalu akan ditempatkan dalam kumpulan D.*

9.4.5.5 Jika berlaku penarikan diri di dalam kumpulan A sehingga tinggal 2 pasukan, maka pasukan B2 secara automatik masuk ke kumpulan A. Jika berlaku penarikan diri di dalam kumpulan B sehingga tinggal 2 pasukan, maka pasukan C1 secara automatik masuk ke kumpulan B. Jika berlaku penarikan diri di dalam kumpulan C sehingga tinggal 2 pasukan, maka pasukan D1 secara automatik masuk ke kumpulan C. Jika berlaku penarikan diri di dalam kumpulan D sehingga tinggal 2 pasukan, maka pasukan E1 secara automatik masuk ke kumpulan D.

9.4.5.6 Sepuluh (10) pasukan akan dipilih untuk bertanding dalam Pusingan Suku Akhir seperti berikut :





9.4.5.7 Semua pertandingan peringkat Suku Akhir, Separuh Akhir dijalankan secara Kalah Mati

#### 9.4.6 FORMAT PENENTUAN KUMPULAN

9.4.6.1 Format bagi system liga adalah seperti berikut :

| JUMLAH PASUKAN | JUMLAH PASUKAN DALAM KUMPULAN |
|----------------|-------------------------------|
| 5              | LIGA                          |
| 6              | 3, 3                          |
| 7              | 3, 4                          |
| 8              | 4, 4                          |
| 9              | 3, 3, 3                       |
| 10             | 3, 3, 4                       |
| 11             | 3, 4, 4                       |
| 12             | 3, 3, 3, 3                    |
| 13             | 3, 3, 3, 4                    |
| 14             | 3, 3, 4, 4                    |
| 15             | 3, 4, 4, 4                    |
| 16             | 4, 4, 4, 4                    |
| 17             | 3, 3, 3, 4, 4                 |
| 18             | 3, 3, 4, 4, 4                 |
| 19             | 3, 4, 4, 4, 4                 |
| 20             | 4, 4, 4, 4, 4                 |

#### 9.4.6.2 Jadual Pertandingan

9.4.6.2.1 Susunan jadual pertandingan akan dibuat oleh Jawatankuasa Pengelola mengikut format yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal pertandingan dan kejohanan.

#### 9.4.6.3 Pemberian mata

Menang - 3  
Seri - 1  
Kalah - 0

Atau mengikut syarat pemberian mata peraturan permainan yang mempunyai sistem pemberian mata sendiri.



## 10. KELEWATAN

- 10.1. Sebarang kelewatan yang disebabkan oleh bencana alam atau perkara-perkara di luar jangkaan seperti kerosakan bas atau sebagainya, maka pasukan terlibat hendaklah **MELAPORKAN KEPADA URUSETIA DENGAN SEGERA** dan keputusan mengenai perlawanan yang melibatkan kedua-dua pasukan akan diputuskan oleh Urusetia Jawatankuasa Pengelola.
- 10.2. Senarai nama pemain hendaklah diserahkan kepada Pengadil bertugas sebelum masa perlawanan bermula.
- 10.3. Semua perlawanan akan dijalankan mengikut masa yang ditetapkan. Tambahan masa tidak melebihi 15 minit boleh dipertimbangkan atas budi bicara pengadil bertugas.

## 11. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

- 11.1. Sekiranya sesuatu pasukan menarik diri atau memberi kemenangan percuma dengan sengaja, semua keputusan yang telah dilangsung oleh pasukan tersebut akan dibatalkan dan pasukan berkenaan tidak dibenarkan bertanding seterusnya.
- 11.2. Setiap pasukan mestilah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberikan kemenangan percuma kepada pihak lawan untuk perlawanan yang akan datang atau sedang berlangsung. Setiap pasukan dikehendaki meneruskan perlawanan walaupun telah layak ke peringkat seterusnya.
- 11.3. Jika berlaku kecederaan dan pasukan terlibat memberikan kemenangan percuma kepada pihak lawan maka pemain yang cedera mestilah mendapat pengesahan kecederaan dari doktor rasmi kejoanan.

## 12. BANTAHAN

- 12.1. Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya pengurus pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Bantahan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan dalam Bahasa Malaysia dan disertakan dengan wang pertaruhan (tunai) sebanyak RM200.00 (Ringgit : Dua Ratus Sahaja).
- 12.2. Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu ditolak.
- 12.3. Sekiranya mana-mana pasukan ingin membuat bantahan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pertandingan atau wakilnya.
- 12.4. **Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pertandingan atau wakilnya dalam masa satu (1) jam selepas perlawanan tamat.**



### 13. JAWATANKUASA TATATERTIB DAN BANTAHAN

13.1. Jawatankuasa ini terdiri daripada :

13.1.1. Pengerusi, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan selaku Pengerusi

13.1.2. Setiausaha, Jawatankuasa Pertandingan selaku Setiausaha Ketua Pengadil@wakil permainan yang berkenaan dan tidak terlibat dengan perlawanan tersebut.

13.1.3. Tidak kurang daripada empat (4) orang pengurus pasukan permainan yang berkenaan dan tidak terlibat dengan bantahan.

#### 13.2 Tindakan Salahlaku

13.2.1 Sekiranya Jawatankuasa Tatatertib mendapati mana-mana pasukan cuai menjaga tingkahlaku dan disiplin pasukan/pemain/pegawai masing-masing, maka Jawatankuasa Tatatertib akan mengambil tindakan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib Kejohanan Sukan Staf IPTA 2009 dan di antaranya adalah seperti berikut :

13.2.1.1 Sekiranya terbukti terdapat pemain/pegawai dari mana-mana pasukan yang melakukan kekasaran, Jawatankuasa Tatatertib Kejohanan Sukan Staf IPTA 2009 akan bermesyuarat dan menentukan hukuman yang sewajarnya berdasarkan kekasaran yang dilakukan.

13.2.1.2 Tindakan disiplin yang diambil dalam mana-mana perlawanan yang ditangguhkan akan diambil kira dan sebaliknya pemain-pemain yang dikenakan tindakan tatatertib dalam perlawanan yang ditangguhkan itu akan dianggap telah menyempurnakan tindakan tatatertib mereka.

13.2.1.3 Keputusan disiplin yang diambil oleh Jawatankuasa Tatatertib hendaklah berkuatkuasa dengan serta-merta dan hanya akan dipinda atau dimansuhkan selepas Jawatankuasa Rayuan mengambil keputusan sedemikian.

13.2.1.4 Jika perlawanan ditangguhkan , penggantungan akan dibawa pada perlawanan yang akan datang.

13.3 Kerjasama dari kontinjen-kontinjen yang menyertai Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia ini untuk menjaga tingkah laku penyokong-penyokong mereka. Sekiranya terbukti terdapat mana-mana penyokong dari mana-mana pasukan yang berkelakuan tidak sopan atau tidak mengamalkan semangat kesukanan yang sepatutnya , maka pihak Jawatankuasa Pengelola diberikan kuasa untuk memaklumkan kepada Pengurusan Universiti berkenaan.



## 14. JURI RAYUAN

14.1. Jawatankuasa ini terdiri daripada :

14.1.1. Pengerusi Jawatankuasa Induk atau wakil

14.1.2. Setiausaha, Jawatankuasa Induk

14.1.3. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan atau wakil

14.1.4. Tidak kurang dari empat (4) orang ahli Jawatankuasa Induk dari wakil IPT lain.

## 15. JENIS PERMAINAN

15.1. Permainan Wajib

15.1.1. Bolasepak

15.1.2. Bola Jaring

15.1.3. Sepak Takraw

15.1.4. Tenis Campuran

15.1.5. Badminton Campuran

15.2 Permainan Pilihan

15.2.1 Bola Tampar Lelaki

15.2.2 Bola Tampar Wanita

15.2.3 Hoki Lelaki

15.2.4 Bola Tampar Pantai Lelaki

15.2.5 Futsal Lelaki

15.2.6 Futsal Wanita

15.2.7 Tarik Tali Lelaki

15.2.8 Tenpin Bowling Lelaki

15.2.9 Tenpin Bowling Wanita

15.2.10 Golf

15.2.11 Olahraga

15.2.12 Ping Pong Lelaki

15.2.13 Futsal Lelaki Veteran

15.3 Selain daripada permainan-permainan yang diwajibkan, Universiti-Universiti yang dipilih menjadi pengelola kejohanan dikehendaki mengelolakan **tidak kurang dari tiga (3) jenis permainan pilihan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Induk.**



## **16. UMUR BAGI KATEGORI VETERAN**

- 16.1. Umur bagi kategori Veteran Lelaki adalah 40 tahun dan ke atas berdasarkan tahun kelahiran (lahir pada atau sebelum 1969)
- 16.2. Umur bagi kategori Veteran Wanita adalah 35 tahun dan ke atas berdasarkan tahun kelahiran (lahir pada atau sebelum tahun 1974)

## **17. PERCANGGAHAN**

- 17.1. Jika terdapat apa-apa percanggahan di antara peraturan pertandingan dengan Peraturan Am, Peraturan Am ini hendaklah dipakai. Walau bagaimanapun jika terdapat perkara-perkara yang tidak dinyatakan di dalam Peraturan Am ini, ianya hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Sukan Staf Antara Universiti Malaysia 2009. Keputusan Jawatankuasa Pengelola kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia adalah **MUKTAMAD**.

## **18. PENANGGUHAN PERLAWANAN**

- 18.1. Sekiranya perlawanan tertangguh atas sebab-sebab tertentu yang boleh diterima pakai oleh Jawatankuasa Pengelola, maka ianya merujuk kepada undang-undang permainan tersebut.



*Universiti Malaysia Terengganu*